

Pembalakan berleluasa di hutan simpan

KUALA LUMPUR - Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh (*gambar*) mempersoalkan tindakan Kerajaan Negeri Pahang meluluskan projek pembalakan berskala besar yang dilakukan secara berperingkat di dua hutan simpan.

Beliau berkata, kawasan pembalakan itu yang diluluskan dalam masa satu setengah tahun dan melibatkan kira-kira 17,000 hektar itu diluluskan tanpa sebarang Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA).

Menurutnya, kawasan pembalakan ini dipecahkan kepada beberapa bahagian yang kurang dari 500 hektar.

"Mereka melawan sistem tanpa perlu kelulusan EIA melalui kelulusan Exco dan dilepas pandang Kerajaan Negeri.

"Tetapi jika kita lihat dalam peta, kawasan pembalakan itu sebenarnya berhampiran antara satu sama lain dan semua berjumlah 16.8 hektar hutan ditebang," katanya dalam sidang media di lobi Parlimen di sini, semalam.

Fuziah berkata, satu kawasan pembalakan melibatkan 200 hektar memerlukan



kan kelulusan EIA dan sekiranya ia melibatkan 16,800 hektar sebanyak 34 EIA diperlukan.

"Bagaimana kerajaan boleh gunakan sebanyak 35 EIA untuk kawasan ini sahaja, sedangkan bajet untuk tahun depan hanya memperuntukkan sebanyak 250 EIA untuk seluruh negara," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri menafikan bahawa pembalakan berlaku secara

berleluasa di Hutan Simpan Berkelah dan Hutan Simpan Remen Chereh tetapi beliau mempunyai bukti bahawa kerajaan meluluskan projek terbabit.

"Saya ada surat kelulusan Jabatan Perhutanan Pahang yang diluluskan mesyuarat Exco dan sebagainya," katanya.

Katanya, tindakan itu adalah langkah tidak bertanggungjawab Kerajaan Negeri untuk meluluskan projek itu kerana isu pembalakan itu akan menimbulkan masalah alam sekitar.

"Ini akan menyebabkan bukit gondol, hakisan tanah dan banjir berlaku yang boleh menenggelamkan bandar Kuantan sekiranya pembalakan ini tidak dihentikan," katanya.